



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

MAC 2022

MARCH 2022



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 3.8 PERATUS TAHUN-KE-TAHUN BAGI BULAN MAC 2022.

1. Bagi bulan Mac 2022, IHP meningkat sebanyak 3.8 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan Mac 2021. Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Bukan Makanan dan harga Makanan dan Minuman Ringan masing-masing sebanyak 3.9 peratus dan 3.4 peratus.
2. Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 18.1 peratus, Pengangkutan 6.0 peratus, dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain 2.1 peratus.
3. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan. Manakala, peningkatan dalam Pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan. Kenaikan harga sewa kediaman dan penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman mendorong kepada peningkatan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain.
4. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti harga minyak masak sebanyak 27.5 peratus; daging ayam 8.5 peratus; dan ikan segar 7.7 peratus. Kenaikan harga minyak masak adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga bahan input minyak sayuran dan minyak sawit. Manakala, bagi daging ayam, kenaikan harga adalah antarlain disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam.
5. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP bagi bulan Mac 2022 meningkat sebanyak 0.9 peratus berbanding dengan bulan Februari 2022. Indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.6 peratus manakala Indeks Bukan Makanan meningkat sebanyak 1.0 peratus.
6. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mac 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 3.8 PER CENT YEAR ON-YEAR IN MARCH 2022.

1. *In March 2022, the CPI increased by 3.8 percent year-on-year compared to March 2021. The rise in the CPI was in line with the increase in Non-Food and Food and Non-Alcoholic Beverages prices by 3.9 percent and 3.4 percent, respectively.*
2. *The increase in the Non-Food component was driven by Miscellaneous Goods and Services by 18.1 per cent, Transport 6.0 per cent, and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels 2.1 per cent.*
3. *Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance. Meanwhile, the increase in Transport was mainly due to the increase in motor cars and air fares. Rising prices of rental for housing as well as maintenance and repair of the dwelling drove up Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels prices.*
4. *The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in prices of food such as cooking oil by 27.5 per cent; chicken meat 8.5 per cent; and fresh fish 7.7 per cent. The increase in cooking oil was mainly due to the rise in input prices of vegetable oil and palm oil. Meanwhile, the increase in prices of chicken meat was due to, among others, rising cost of chicken feed.*
5. *For month-on-month changes, the CPI in March 2022 increased by 0.9 per cent compared to February 2022. The Food and Non-Alcoholic Beverages Index increased by 0.6 per cent while the Non-Food Index increased by 1.0 per cent.*
6. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for March 2022 is available from DEPS' website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*